

PENGERTIAN HIWALAH


Bahasa	Pemindahan atau perpindahan
Istilah	Kontrak yang menyebabkan pemindahan hutang daripada satu pihak kepada pihak lain.

DALIL HIWALAH

مطل الغنى ظلم فاذا أتبع احدكم على مليء فليتع

Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah s.a.w bersabda: "Melambatkan pembayaran hutang oleh orang kaya adalah zalim. Apabila salah seorang daripada kamu dibawa kepada orang kaya yang lain maka ikutlah".

CONTOH PEMINDAHAN HUTANG



RUKUN HIWALAH

Muhil	Penghutang yang memindahkan hutangnya kepada orang lain.
Muhtal	Pemberi hutang (pemiutang) yang mana hutangnya akan dibayar oleh orang lain (bukan penghutang asal).
Muhal 'Alaih	Orang yang bertanggungjawab melunaskan hutang kepada pemberi hutang (muhtal).
Muhal Bih	Hutang yang perlu dijelaskan.
Sighah	Lafaz pemindahan hutang.

SYARAT HIWALAH

1. Muhal 'Alaih mestilah berhutang dengan Muhil.
2. Hutang Muhal 'Alaih mestilah sama jenis, kadar dan sifat. Contohnya, bentuk hutang berupa duit, maka bayarannya mestilah berupa duit dengan nilai yang sama.
3. **Persetujuan** penghutang (Muhil) dan pemiutang (Muhtal).
4. Penghutang (Muhil) dan pemiutang (Muhtal) **perlu mengetahui kadar hutang** yang perlu dijelaskan.

JENIS HIWALAH

Hiwalah al-Muthlaqah	Hiwalah al-Muqayyadah
Hiwalah Muthlaqah terjadi jika orang yang berhutang (orang pertama) kepada orang lain (orang kedua) mengalihkan hak penagihannya kepada pihak ketiga tanpa didasari pihak ketiga ini berhutang kepada orang pertama.	Hiwalah Muqayyadah terjadi jika Muhil mengalihkan hak penagihan Muhtal kepada Muhal Alaih kerana yang terakhir punya hutang kepada Muhtal.